

Headline	Rawat bukan hukum		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	66	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,585
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,755



Rawat bukan hukum

MAM mahu dasar penagih dikaji semula

>>Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib

yusliza@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Polisi baru yang lebih berperikemanusiaan dan berkesan terhadap penyalahgunaan dadah perlu diwujudkan antaranya golongan pengguna dadah dianggap sebagai pesakit yang wajar diberi rawatan perubatan dan jagaan bukan melalui hukuman.

Pengerusi Majlis Aids Malaysia (MAM), Tan Sri Mohd Zaman Khan berkata, ketika ini undang-undang berkaitan khusus kepada pengguna dadah di Malaysia mensabitkan golongan berkenaan sebagai penjenayah yang mesti dijatuhi dengan hukuman yang berat.

“Kita beranggapan perlunya undang-undang dan polisi terhadap penyalahgunaan dadah di negara ini dikaji semula dengan menekankan pendekatan memulih daripada menghukum.

“Melalui pendekatan ini, pengguna dadah akan dianggap sebagai pesakit dan mereka perlu menjalani Program Penyelenggaraan Terapi Metadon (MMT) untuk membanteras kegiatan penagihan dadah,” katanya pada Simposium Bagi Mengkaji Semula Dasar dalam Mengenalpasti Kejayaan Rawatan dan Penjagaan Pengguna Dadah serta Pencegahan Jangkitan HIV anjuran MAM

dengan kerjasama Konsortium Polisi Dadah Antarabangsa.

Beliau berkata, pembaharuan undang-undang berkaitan penyalahgunaan dadah perlu dilaksanakan bagi mengurangkan stigma, diskriminasi dan peminggiran terhadap golongan pengguna dadah suntikan.

“Kita tidak mungkin boleh hapuskan masalah penagihan dadah ini 100 peratus tapi sekurang-kurangnya melalui pendekatan lebih berperikemanusiaan, kita dapat mengurangkan angka pengguna dadah dijangkiti HIV.

“Beberapa negara luar seperti Eropah kini menggunakan pendekatan efektif sehingga berjaya mengurangkan kadar penagihan dadah sekali gus mengatasi masalah sosial dan sudah tiba masanya kita mengikut jejak langkah mereka,” katanya.

Katanya, mengikut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia 91,362 kes HIV dilaporkan dari 1986 hingga tahun lalu dan 70 peratus daripada jangkitan HIV dilaporkan di kalangan pengguna dadah secara suntikan.

Menurutnya, usaha untuk memperluas program Pengurangan Kemudaratan bagi pengguna dadah secara suntikan sedang giat dijalankan namun stigma masyarakat masih menjadi penghalang untuk mendekati golongan ini.